

Isa. 25.04.2017

ejab 1438H

Harga: RM1.50
Tel: 1 300 22 6787
PP 414/10/2012(030686)



BH

Berita Harian

GENERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

Daulat Tuanku



Sultan Muhammad V ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 pada upacara penuh istiadat kebesaran mengikut warisan Kesultanan Melayu di Balairung Seri, Istana Negara, semalam → **Ms.2,3,4,5,6,7**

Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V berkenan mengucup Keris Kerajaan sebagai simbolik penerimaan kuasa Yang di-Pertuan Agong pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara, semalam.



MUKA DUA

Profil

SULTAN MUHAMMAD V

- **Diputerakan** pada 6 Oktober 1969 di Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan.
- **Pendidikan awal** Sekolah Sultan Ismail 1, Kota Bharu dan Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur.
- **Dilantik** sebagai Tengku Mahkota Kelantan ketika usia 16, pada 6 Oktober 1985
- **Menyambung** pelajaran di Oakham School Ruthland, England sehingga tahun 1989
- **Melanjutkan** pelajaran dalam bidang Pengajian Diplomatik di St Cross College, Oxford dan Pengajian Islam di Oxford Centre sehingga 1991.
- **Dilantik** Pemangku Raja Kelantan pada 24 Mei 2009.
- **Menaiki** takhta selepas dimasyhurkan

kan sebagai Sultan Kelantan Ke-29, dan menggunakan gelaran Sultan Muhammad V pada 13 September 2010.

→ **Dipilih** menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Ke-14 pada 13 Disember 2011 oleh Majlis Raja-Raja.

→ **Berkuat** kuasa 13 Disember 2016, Majlis Raja-Raja melantik Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15.

→ **Canselor** Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

→ **Pemerintah** Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

→ **Bergiat** aktif dalam kegiatan badan bukan kerajaan dan sukan, selain organisasi berkaitan keselamatan serta

ketenteraan.

→ **Terkenal** dengan sifat berhemah tinggi, mempunyai tutur kata yang lemah-lembut dan sopan santun.

→ **Dididik** dengan nilai pekerti dan tingkah laku berasaskan ajaran agama serta ilmu keduniaan yang luas.

→ **Mengambil** perhatian dalam hal ehwal agama dan rakyat jelata

→ **Meminati** sukan lasak seperti ekspedisi kenderaan pacuan empat roda, ekuestriah, sukan memanah, menembak dan gemar memelihara hidupan liar.

Penaung pelbagai persatuan dan kelab seperti:

→ **Persatuan** Menembak Kelantan

- **Yayasan** Sultan Kelantan (YSK)
- **Majlis** Orang-Orang Besar Di Raja Kelantan
- **Persatuan** Perubatan Anti-Penuaan Aestetik Rejeneratif Malaysia (SA-AARMM)
- **Persatuan** Bulan Sabit Merah
- **Persatuan** Sukan Berkuda
- **Persatuan** Motor 4 x 4
- **Persatuan** Memanah

Antara program diilhamkan baginda:


- **Qiam** With Me
- **Walkathon** Diraja, sejak 2011 di Kelantan

[FOTO BERNAMA]

Kualiti modal insan penentu kejayaan negara: Seri Paduka



BH
25/4/17
mls-2



Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V berkenan melafazkan Warkah Ikrar pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-XV di Istana Negara, semalam

→ Rakyat dapat tingkat produktiviti, daya saing, manfaat sumber dimiliki

► Kuala Lumpur

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V bertitah kualiti modal insan negara adalah penentu utama kejayaan Malaysia pada masa hadapan.

Baginda bertitah hanya dengan modal insan yang berkualiti, rakyat dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing serta mampu menerokai dan memanfaatkan kelebihan dan sumber yang dimiliki.

“Setiap rakyat Malaysia perlu memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dan rakyat tidak boleh cuai dan alpa dalam melaksanakannya kepada negara,” titah Seri Paduka pada istiadat pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15, di Istana Negara, semalam.

Sultan Muhammad V turut meningkatkan generasi muda sebagai

pelapis negara untuk sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran. Seri Paduka bertitah bahawa tidak ada noktah dalam menuntut dan mencari ilmu serta kemahiran yang amat diperlukan negara.

Yang di-Pertuan Agong bertitah, apa jua yang dilakukan kerajaan hari ini akan diwarisi oleh generasi muda sebagai penerus perjuangannya. Oleh demikian, Seri Paduka mahu semua generasi muda merebut dan memanfaatkan segala peluang yang disediakan kerajaan demi kelangsungan negara.

Insan yang berilmu

“Beta berharap rakyat Malaysia terus berpegang teguh kepada nilai akhlak, moral dan etika yang baik. Jadilah insan yang mulia, insan yang berilmu dan berpekeriti tinggi serta menyedari akan tanggung-

jawabnya kepada negara,” titah Seri Paduka.

Sultan Muhammad V bertitah walaupun negara sedang dilanda kelembapan ekonomi, namun pelbagai langkah khusus yang diambil kerajaan telah berjaya mengatasi tekanan luar terhadap ekonomi negara, terutama dalam menanganikan penyusutan nilai ringgit.

Titah baginda, pada masa sama rakyat perlu menunjukkan sokongan penuh kepada strategi yang dirangka kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara.

“Kita tidak akan mampu melangkah lebih jauh sekiranya kita tidak bersama-sama dalam usaha-usaha meningkatkan ekonomi kita hari ini,” titah baginda.

Sultan Muhammad V juga bertitah tahun 2017 membawa makna yang besar kepada baginda kerana selain ditabalkan sebagai Yang di-

Pertuan Agong ke-15, negara juga akan menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-60.

Justeru, Seri Paduka berharap sambutan kemerdekaan negara disambut dengan suasana meriah dan harmoni, selain sambutan itu berdekatan dengan Hari Raya Aidiladha yang disambut seluruh umat Islam.

Hidup aman harmoni

“Sebagaimana yang telah terbukti, bahawa rakyat pelbagai kaum yang menganuti pegangan agama berbeza serta mengamalkan budaya dan gaya hidup bervariasi mampu hidup dalam keadaan aman harmoni dan saling menghormati.

“Beta berharap rakyat Malaysia akan terus bersatu mengekalkan perpatuan, bertolak ansur, bersepakat dalam memikul tanggungjawab terhadap negara yang ber-

daulat kerana ini merupakan keunikan dan sumber kekuatan kita selama ini,” titah baginda.

Baginda juga menzahirkan penghargaan kepada kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta barisan anggota Kabinet atas sokongan berterusan kepada Seri Paduka untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

“Beta yakin dengan semangat muafakat dan persefahaman padu antara kita, beta akan dapat menunaikan tanggungjawab dengan lebih berkesan, Insya Allah.

“Beta juga berharap Paduka Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dapat memberi titah, pandangan dan nasihat dalam memastikan Malaysia terus menjunjung kedaulatan Raja Berpelembagaan di tanah bertuah ini,” titah Sultan Muhammad V. **BERNAMA**

→ PERTABALAN

[FOTO BERNAMA]



Najib menyebarkan ucapan tahniah dan taat setia pada pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15, di Istana Negara, semalam.

Seri Paduka lambang Jatidiri Negara

➔ Institusi Yang di-Pertuan Agong ideologi Rukun Negara, kesinambungan pemerintahan Raja-Raja Melayu

B4

25/4/17

MIS-3

➔ Kuala Lumpur

Institusi Raja di Malaysia atau dalam konteks Kerajaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, adalah pancaran kepada Pemberibadian atau Jatidiri Negara atau *Personification of the Nation*.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Yang di-Pertuan Agong sebagai cerminan dan jelmaman, yakni manifestasi kepada 'Adicita' atau ideologi Rukun Negara, yang menjadi asas kepada sebuah negara bangsa, makmur dan merdeka.

Institusi unik

"Sesungguhnya, institusi Yang di-Pertuan Agong ini adalah unik kepada Malaysia, kerana ia bukanlah amalan di negara beraja lain di dunia. Ia tidak melalui sistem undian oleh rakyat dan bukan juga diwarisi secara keturunan.

"Institusi ini, tidak lain dan tidak

bukan, menjadi kesinambungan kepada tradisi pemerintahan Raja-Raja Melayu sejak zaman berzaman," katanya ketika menyembahkan ucapan tahniah dan taat setia pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15, di Istana Negara, semalam.

Najib berkata, sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia juga amat tertib mengikut lunas ditetapkan, atas roh dan semangat bahawa Raja dan Rakyat Berpisah Tiada.

Perdana Menteri turut menyembah maklumkan keadaan semasa negara terutama Dasar Transformasi Nasional yang menjadi pemangkin untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Menerusi Program Transformasi Nasional, Najib berkata, laporan tahunannya bagi kali keenam sebelum penghujung bulan ini, berjaya mencapai pelbagai kejayaan dan mendapat pengiktirafan badan piawai serta pengabsah pe-

ringkat antarabangsa.

Ekonomi dijangka berkembang 4.3 peratus

"Alhamdulillah, meskipun negara tidak lari daripada berdepan dengan kesuraman ekonomi global, akan tetapi menurut Bank Dunia, pertumbuhan ekonomi Malaysia mudah-mudahan akan berkembang pada kadar 4.3 peratus bagi 2017.

"Malah, pada minggu lepas, patik selaku Perdana Menteri, bagi pihak Kerajaan Tuanku, telah melancarkan satu lembaran baharu kepada Dasar Bumiputera, setelah 45 tahun Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan oleh Allahyarham ayahanda patik, Tun Abdul Razak, pada 1971," katanya.

Najib berkata, Dasar dan Halatuju Bumiputera dalam fasa yang selanjutnya adalah Transformasi Kesejahteraan Bumiputera yang bersifat inklusif kerana ia bukan sahaja mencakupi penca-

paian Bumiputera dari sudut ekonomi, bahkan merentasi semua aspek kehidupan.

Mengenai keselamatan negara, Perdana Menteri berkata kerajaan akan meningkatkan lagi tahap keselamatan, terutama di perairan dan setiap penjuru pintu masuk ke negara ini.

Najib mewakili pihak Kerajaan, anggota keselamatan, penjawat awam dan rakyat Malaysia juga mempersembahkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Sultan Muhammad V, bersempena pertabalan baginda.

"Patik bagi pihak kerajaan bersama-sama Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi), berserta anggota pentadbiran dan rakyat sekalian, akan sentiasa mendoakan Tuanku terus dikurniakan taufik dan hidayah serta kelfiatan untuk bertakhta di singgahsana sebagai lambang kebesaran dan kebanggaan negara," katanya. **BERNAMA**

PERTABALAN

[FOTO BERNAMEA]



Sultan Muhammad V berkenan mencium kitab suci al-Quran pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara, semalam.

Manifestasi Raja, rakyat berpisah tiada

BH
25/4/17
ms 4

→ Sembah ucapan PM ajak rakyat bersatu di bawah naungan Seri Paduka

► Kuala Lumpur

Sembah ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kepada Yang di-Pertuan Agong menggambarkan manifestasi bahawa raja dan rakyat berpisah tiada, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dengan keberadaan Yang di-Pertuan Agong di takhta selaku pa-

yang negara, rakyat harus bersatu di bawah naungan baginda.

“Tentunya apabila diterjemahkan, Seri Paduka adalah payung negara dan keberadaan baginda dalam pemerintahan Raja Berperlembagaan menunjukkan bahawa rakyat harus mendokong dan bersatu di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku,” katanya.

Beliau mengulas ucapan tahniah dan taat setia yang disembahkan Najib bagi mewakili kerajaan dan rakyat sempena Istiadat Pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15, semalam.

Institusi Raja jati diri negara

Dalam sembah ucapan itu, Najib menyifatkan institusi Raja dan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong adalah pancaran kepada ‘Pemeribadian atau Jatidiri Negara’.

Najib turut mempersembahkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Sultan Muhammad V sempena pertabalan baginda semalam.

Dalam pada itu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak berkata istiadat pertabalan berjalan lancar dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit menjayakannya.

“Saya bersyukur. Ini adalah detik bersejarah yang mana kerjasama yang diberikan semua pihak termasuk Istana Negara, Pejabat Perdana Menteri dan semua agensi terbabit dalam menjayakan istiadat amat dihargai,” katanya.

Salleh berkata, istiadat bersejarah itu juga dapat disaksikan oleh semua rakyat menerusi siaran langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM).

BERNAMA

[FOTO BERNAMA]



Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Ahmad Zahid berangkat ke Balairung Seri pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-XV di Istana Negara, semalam.



Tentunya apabila diterjemahkan, Seri Paduka adalah payung negara dan keberadaan baginda dalam pemerintahan Raja Berperlembagaan menunjukkan rakyat harus mendokong dan bersatu di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku”

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

→ PERTABALAN

[FOTO BERNAMA]



Sultan Muhammad V berkenan berangkat pada Majlis Santapan Diraja sempena Istiadat Pertabalan Yang Di-Pertuan Agong Ke-15 yang turut disertai Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah (dua dari kiri); Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir (kanan), di Istana Negara, malam tadi.

Rakyat Kelantan zahir rasa sukacita

BH
25/4/17
MIS 5



Rakyat Kelantan tidak melepaskan peluang menyaksikan Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 secara langsung menerusi televisyen di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu, semalam.

➔ Keperibadian, kepemimpinan Seri Paduka diyakini bawa lebih kemakmuran kepada Malaysia

Kota Bharu

Rakyat Kelantan pelbagai kaum, agama dan lapisan masyarakat menzahirkan rasa sukacita atas pertabalan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15, semalam.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata Seri Paduka yang terkenal dengan sifat prihatin terhadap rakyat akan membawa lebih kemakmuran kepada Kelantan dan Malaysia.

“Rakyat Kelantan sungguh gembira, kita mengenali dekat Seri Paduka iaitu seorang Raja yang amat prihatin kepada rakyat, baginda

dekat dengan rakyat dan berse-derhana,” katanya.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berharap di bawah pemerintahan Seri Paduka, Kelantan akan maju seiring dengan negeri lain dalam semua bidang.

Beri inspirasi kepada rakyat

Sementara itu, EXCO Majlis Jaksa Pendamai Kelantan, Datuk Mohd Rosdi Ab Aziz, berkata Seri Paduka memiliki ilmu, keperibadian dan kebijaksanaan yang tinggi, sekali gus mampu memberi inspirasi kepada rakyat.

Dengan kewibawaan dan sikap kepemimpinan itu, beliau yakin Seri Paduka akan memacu dan

membawa imej negara ke arah yang lebih baik.

Katanya, dengan pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong, akan memberi lebih kuasa kepada baginda untuk terus memayungi rakyat secara menyeluruh seperti yang dilaksanakan di Kelantan selama ini.

“Ketika menghadapi, Seri Paduka selalu mengutarakan pelbagai idea bernas atau di luar kotak berhubung pembangunan negeri demi kesejahteraan rakyat dan baginda mempunyai kelebihan untuk berbicara mengenai apa saja isu yang diutarakan,” katanya.

Pengerusi Persatuan Masyarakat Siam Kelantan, Prof Tim Chau Dam, berkata walaupun masya-

rakat Siam di Kelantan hanya berjumlah 18,000 orang, masyarakat itu berjanji menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka selaku Raja yang memerintah negara ini.

“Walaupun tidak mengenali Seri Paduka secara peribadi, tetapi banyak gambaran yang disebarkan khususnya melalui media sosial menunjukkan baginda seorang yang mesra dan tidak mementingkan protokol apabila bertemu dengan rakyat,” katanya.

Pemimpin prihatin

Pengerusi Persatuan Fizikal dan Kebudayaan India Kelantan, Ganthi Raja Perumal, berkata walaupun Sultan Muhammad V dikenali sebagai seorang yang taat menga-


malkan ajaran Islam, beliau yakin Seri Paduka dapat menjaga kesucian agama yang dianuti oleh pelbagai kaum di negara ini.

“Seri Paduka dilihat seorang pemimpin yang prihatin terhadap rakyat jelata tidak kira kaum dan penganut mana-mana agama, malah baginda sentiasa turun padang untuk bertemu rakyat jelata.

“Masyarakat India percaya pemerintahan Seri Paduka akan meningkatkan lagi sektor ekonomi di negara ini,” katanya.

Pemain bola sepak Kelantan, Nik Mohd Shahrul Azim Abd Halim, berharap Sultan Muhammad V dapat memajukan lagi arena sukan negara khususnya bola sepak menerusi idea lebih segar. **BERNAMA**

→ PERTABALAN



Sultan Muhammad V mengucap keris pada Istiadat Pertabalan, di Balairung Seri, Istana Negara, semalam.



Seri Paduka diapit panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama ketika keberangkatan masuk ke Balairung Seri, semalam.

Istiadat ikut warisan Kesultanan Melayu

Sultan Muhammad V ditabal Yang di-Pertuan Agong Ke-15 bagi tempoh lima tahun

► Kuala Lumpur

Daulat Tuanku! Sultan Muhammad V semalam ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15, untuk memerintah Malaysia bagi tempoh lima tahun.

Istiadat Pertabalan di Istana Negara mengikut warisan Kesultanan Melayu itu adalah bagi menguar-uarkan kepada seluruh dunia bahawa Malaysia mempunyai ketua negara yang baharu berlandaskan sistem Raja Berperlembagaan.

Sultan Muhammad V, 47, sebelum ini melafaz sumpah memegang jawatan itu, pada 13 Disember lalu, bagi menggantikan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan pada tarikh itu.

Malaysia adalah satu daripada 43 negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja dan sistem penggiliran pemerintahan berkenaan adalah satu-satu yang seumpama-

manya di dunia.

Istiadat Pertabalan itu disaksikan kira-kira 800 tetamu termasuk Raja-Raja Melayu dan Permaisuri masing-masing; wakil Raja-Raja Melayu serta Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri.

Yang turut menyaksikan acara gilang-gemilang itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta tetamu kehormat terdiri daripada ketua diplomat asing dan ketua jabatan kerajaan.

Tiupan serunai diiringi paluan gendang oleh Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan yang memainkan lagu *Raja Bertabal* berkumandang di dalam Balairung Seri, Istana Negara, sebaik sahaja Sultan Muhammad V menyempurnakan lafaz ikrar Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

Ia disusuli dengan laungan Daulat Tuanku!, sebanyak tiga kali oleh Datuk Paduka Maharaja Lela, Istana



Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 dihadiri kira-kira 800 tetamu di Istana Negara, semalam.

INSTITUT KANDAN DOKUMENTASI
DITERIMA
25 APR 2017
U.R.D
M.B.P.J.

→ PERTABALAN

[FOTO BERNAMEA]



Raja-Raja Melayu bersama Permaisuri masing-masing serta wakil Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri berkenan berangkat ke Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V di Istana Negara, semalam.

Negara Mejar Jen (B) Datuk Mamat Ariffin Abdullah dan disahuti hadirin di dalam Balairung Seri yang diadakan dengan penuh adat istiadat kebesaran Raja-Raja Melayu.

Sejurus laungan itu, lagu *Negaraku* dimainkan oleh Pancaragam Tentera Udara Diraja Malaysia dan serentak dengan itu tembakan meriam sebanyak 21 das.

Istiadat Pertabalan Sultan Muhammad V itu turut disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Tiupan serunai, paluan gendang

Terdahulu, Istiadat Pertabalan itu dimulakan sebaik keberangkatan masuk Sultan Muhammad V ke Balairung Seri dengan diiringi tiupan serunai dan paluan gendang oleh Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan yang mengalunkan lagu *Raja Berangkat*.

Keberangkatan masuk baginda di dahului oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Istana Negara Datuk Wan Ahmad Dahlan Ab Aziz, serta diapit panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama selain diiringi juruiring baginda dan panglima lain yang membawa alat kebesaran Diraja.

Cogan Alam dan Cogan Agama, kedua-duanya tongkat perak adalah sebahagian daripada alat kebesaran Diraja yang begitu signifikan dalam Istiadat Pertabalan dan menjadi lambang kebesaran institusi Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Malaysia.

Sultan Muhammad V yang berpakaian rasmi Yang di-Pertuan

Agong iaitu 'Muskat' (seperti kot hitam labuh) bersulam emas serta berseluar panjang bersulam di kaki dan memakai Tengkolok Diraja yang soleknya (bentuk ikatan) dinamakan 'Dendam Tak Sudah'.

Baginda juga memakai Pending Diraja, diperbuat daripada emas bertatahkan permata delima dengan lambang Kerajaan Persekutuan tertera di tengahnya bersama tali bengkung yang dibuat daripada kain saklat bertekak benang emas berbunga. Di pinggang Seri Paduka tersemat Keris Pendek Diraja yang hulunya diperbuat daripada mata keris lama dengan bersarung gading bertatahkan emas.

Seri Paduka kemudian bersemayam di Singgahsana di Balairung Seri itu untuk Istiadat Pertabalan.

Datuk Paduka Maharaja Lela kemudian menghadap Sultan Muhammad V bagi memohon perkenan untuk memulakan Istiadat Pertabalan itu yang kemudian membuat pengumuman bahawa istiadat itu di zahirkan selepas mendapat perkenan baginda.

Bawa masuk naskhah al-Quran
Sejurus selepas itu, Datuk Paduka Maharaja Lela memohon perkenan baginda untuk membawa masuk naskhah al-Quran dan baki alat kebesaran Istiadat Pertabalan ke Balairung Seri.

Kemudian, dengan iringan tiupan serunai dan paluan gendang lagu *Seri Istana*, Datuk Paduka Maharaja Lela diiringi Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Istana Negara Datuk Wan Ahmad Dahlan membawa masuk naskhah al-Quran dan Keris Panjang

Diraja yang juga Keris Kerajaan, Surat Pengisytiharan serta Warkah Ikrar yang dibawa oleh pegawai Istana Negara lain, diikuti Pegawai Agama Istana Negara, Datuk Abd Aziz Che Yacob.

Sebelum itu, upacara bermula dengan istiadat penuh ketenteraan di Dataran Istana Negara membabitkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai lambang taat setia pasukan pertahanan negara itu kepada Yang di-Pertuan Agong selaku Pemerintah Tertinggi ATM.

Acara bermula dengan keberangkatan tiba Sultan Muhammad V di Anjung Tamu, Istana Negara sebelum diiringi ke Peterana Diraja oleh Perdana Menteri.

Sebaik tiba di Peterana Diraja, Seri Paduka diberi Hormat Diraja oleh Barisan Kawalan Kehormat Utama oleh 108 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

Serentak itu lagu *Negaraku* dimainkan oleh Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja dan istiadat Pecah Bendera dijalankan yang menyaksikan Bendera Peribadi Seri Paduka dikibarkan.

Seri Paduka kemudian berkenan memeriksa Pasukan Kawalan Kehormat yang terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota yang diketuai Mejar Mohd Riduan Mohd Basheer, dalam perbarisan itu yang diadakan di Dataran Istana Negara.

Sultan Muhammad V dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong oleh Raja-Raja Melayu pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-243 (Khas) di Istana Negara pada 14 Oktober 2016.

BERNAMA

28/4/17
ms-7

IKRAR SULTAN MUHAMMAD V SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG KE-15

"Bismillahirrahmanirrahim,

Beta Sultan Muhammad kelima

bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu

Wata'ala kerana dengan izin-Nya

Beta telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan

Agong. Dengan ini, Beta akan menjalankan

seadil-adilnya pemerintahan bagi Malaysia

mengikut undang-undang dan Pertembagaan

Negara, serta memelihara dengan

sempurna setiap masa, agama Islam

dan berdiri teguh di atas pemerintahan

yang adil dan aman dalam negara."